

(1)dlm.PTG.SEL.32 PT.3

6 Januari, 1996.

Pentadbir Tanah,

**Petaling,
Klang,
Hulu Langat,
Gombak,
Kuala Selangor,
Hulu Selangor,
Kuala Langat,
Sabak Bernam,
Sepang.**

Tuan,

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR BIL.1/96

**BAYARAN RM 100,000.00 SEBAGAI SYARAT KELULUSAN KEPADA
PEROLEHAN HARTA TANAH OLEH WARGANEGARA ASING/SYARIKAT
ASING DI BAWAH SEKSYEN 433B KANUN TANAH NEGARA**

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan ingin memaklumkan bahawa Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang ke 36/95 pada 22 November, 1995 telah meluluskan supaya bayaran khas sebanyak RM 100,000.00 ke atas perolehan harta tanah oleh warga negara asing dikenakan sebagai suatu syarat kepada kelulusan perolehan tersebut seperti yang diperuntukan oleh Seksyen 433B(2) Kanun Tanah Negara. Peraturan ini adalah sejajar dengan amalan mengenakan bayaran premium tambahan kepada kelulusan menukar kategori kegunaan tanah di bawah Seksyen 124 dan 124A Kanun Tanah Negara. Bayaran ini adalah dikenakan sebagai kadar bagi setiap hakmilik dan dikuatkuasakan mulai 22 November, 1995.

2. Perolehan harta tanah oleh warganegara/syarikat asing termasuklah pindahmilik, pajakan dan pajakan kecil ini, adalah tertakluk kepada garispanduan pemilikan tanah oleh warganegara/syarikat asing sebagaimana yang dinyatakan oleh Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor Bil.1/94 bertarikh 1 Mac, 1994 dan Arahan Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil.33/95 bertarikh 29 Jun, 1995.

3. Oleh yang demikian apabila seseorang warganegara asing atau sesebuah syarikat asing itu mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri bagi perolehan yang berkenaan, maka penetapan bayaran sebanyak RM 100,000.00 hendaklah dikenakan terus sebagai suatu syarat kelulusan. Seperti juga pengenaan syarat bayaran premium tambahan bagi tukar kategori kegunaan tanah di bawah Seksyen 124 dan 124A Kanun Tanah Negara, maka kelulusan itu akan terbatal dengan sendirinya jika bayaran ini tidak disempurnakan.

4. Pentadbir Tanah atau Pendaftar Hakmilik semasa menerima dokumen-dokumen perserahan harta tanah oleh warganegara atau syarikat asing hendaklah menentukan disamping bayaran-bayaran yang telah sedia ada untuk kutipan, memastikan juga bayaran sebanyak RM 100,000.00 itu telah dikutip dengan berpandukan resit asal yang perlu dikepilkkan bersama-sama surat kelulusan yang berkenaan.

5. Semua Pentadbir Tanah Daerah adalah diminta mengendalikan peraturan pembayaran daripada warganegara/syarikat asing di bawah Seksyen 433(B)(2) ini dengan berpandukan kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri tersebut dan kaedah-kaedah sebagaimana yang dinyatakan di atas.

Sekian, terima kasih.

* BERKHIDMAT UNTUK NEGARA *

Saya yang menurut perintah,

TT
(DATO' HAJI MOHD ESA B. SHARIFF)
Pengarah Tanah dan Galian,
Selangor Darul Ehsan.

Edaran Dalam:

1. Timbalan Pengarah Tanah dan Galian Selangor.
2. Timbalan Pendaftar Hakmilik Negeri Selangor I, II dan III.
3. Penolong Pengarah Tanah dan Galian 1,11 dan 111.
4. Ketua Kerani (Tanah)(Am) dan Pendaftaran.

PTG.SEL.34/12
PTG.SEL.(R)18/1

MSR:nss

*** PEKELILING TERBATAL DENGAN PEKELILING BIL. 1/1998**